

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COLGIS - Pusat Pengajian Kerajaan
Sent: Tuesday, May 30, 2017 12:20 PM
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup
Cc: Prof. Madya Dr. Zaheruddin Bin Othman; Dr. Ahmad Zubir bin Ibrahim; Mohammad Fadzil Bin Din
Subject: PUSAT PENGAJIAN KERAJAAN MENERIMA KUNJUNGAN DARI SEKOLAH TINGGI ILMU SOSIAL DAN ILMU POLITIK
RAJA HAJI, TANJUNG PINANG, INDONESIA



Pusat Pengajian Kerajaan

SCHOOL OF GOVERNMENT

Universiti Utara Malaysia

30 MEI 2017/04 RAMADHAN 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato' /Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan



SoG ONLINE: 30 Mei 2017, Pusat Pengajian Kerajaan (SOG) telah menerima kunjungan dari Sekolah Tinggi Ilmu Sosial dan Ilmu Politik (STISIPOL) Raja Haji, Tanjung Pinang, Indonesia bagi membincang hubungan kerjasama pintar dalam bidang pentadbiran dan pengurusan awam bagi mempertingkatkan dan memperkukuhkan lagi hubungan pendidikan dan akademik di antara kedua-dua belah pihak. Delegasi berkenaan telah disambut dan diberi taklimat oleh Dekan Pusat Pengajian Kerajaan, Prof Madya Dr Zaheruddin Othman.

Dekan Pusat Pengajian Kerajaan dalam ucapannya berkata, SOG sentiasa terbuka untuk mengadakan kerjasama dengan semua pihak demi kebaikan bersama terutama dalam bidang polisi dan pembangunan secara keseluruhannya. Sementara itu, wakil dari STISIPOL Raja Haji, Ferizone menjelaskan melalui kunjungan ini secara tidak langsung telah mengeratkan silaturrahim antara UUM dengan STISIPOL Raja Haji. Menurutnya lagi, STISIPOL Raja Haji berbesar hati untuk menjalinkan kerjasama dengan UUM susulan reputasi UUM yang terkenal di atas pencapaian bukan sahaja di peringkat negara malah antarabangsa. Katanya, antara kerjasama yang dilihat boleh dilaksanakan adalah seperti pertukaran pelajar, penyelidikan, penerbitan, pertukaran pensyarah dan sebagainya di antara kedua-dua belah pihak. Pihak STISIPOL Raja Haji juga turut menyuarakan hasrat untuk mengadakan pemeterian memorandum persefahaman (MoU) dengan UUM, melalui SOG. Dr Ahmad Zubir Ibrahim, Timbalan Dekan Pusat Pengajian Kerajaan, En Saadon Awang, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelajar dan Alumni dan En. Mohamad Fadzil Hj Din, Penolong Pendaftar, Pusat Pengajian Kerajaan turut hadir bersama dalam majlis tersebut.

TAMAT

.....
Daripada:

Pusat Pengajian Kerajaan

UUM College of Law, Government & International Studies

Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia

Tel : 04-9287901/7906 | Faks: 04-9287914 | Email : colgis_ppk@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in

this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.